



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI PELAKSANAAN PROJEK JKR

1

DISEDIAKAN OLEH :

BAHAGIAN AUDIT & INTEGRITI
CAWANGAN DASAR & PENGURUSAN
KORPORAT
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA

MESYUARAT TAHUNAN JURUTERA-JURUTERA MEKANIKAL JKR TAHUN 2016 (SEPTEMBER 2016)



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI PELAKSANAAN PROJEK JKR



KANDUNGAN


1. Pengenalan
2. Penguaditan Prestasi Projek JKR
3. Teguran Berulang LKAN
4. Strategi Pemulihan Teguran Berulang
5. Cabaran & *Lessons Learnt*



PENGENALAN



3



CEMERLANG, RUGI, GAGAL

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 Siri 1 yang dikeluarkan semalam merumuskan:

CEMERLANG •
(Pengurusan kewangan)

- 180 Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan peroleh 5 bintang.
- 21 badan berkanun peroleh markah lebih 70 peratus.

KERUGIAN •
(Peralatan)

- JPAM rugi RM840,000.
- 1,010 pasang kasut getah salah warna.
- Lapan jet ski, 64 'papan luncur' tidak ikut spesifikasi.
- Kerajaan rugi RM21.03 juta, kontraktor gagal siapkan projek bina jalan baharu.

KEGAGALAN
Pulau Pinang
Status namilkan
harti bum
tidai 30 p
Unit diju
buka bum
Akai
Peru
Bum
tidai dibe

BEB DI MU

Ingurusan vangan h baik

Only 16 ministries rated excellent

REPORTS ON PAGES 6 & 7

Govt dept heads to answer queries

KUALA LUMPUR: The chief secretary to the government and representatives of selected ministries will answer all questions pertaining to the Auditor General's 2015 Report Series 1 next Tuesday.

Auditor General Tan Sri Amir Hamzah said the session was a normal practice that would allow the press to pose any questions, including to the secretaries-general of ministries.

"I just came from Parliament, where I had briefed the Public Accounts Committee on the report," he said.

Jawab laporan audit minggu depan - Fadillah

KUALA LUMPUR 18 Mei - Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya akan menjawab semua isu berbangkit berkaitan Laporan Ketua Audit Negara pada minggu depan.

Perkara itu dinyatakan oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, ketika berucap di Dewan Rakyat.

"Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya akan menjawab semua isu di situ. Media akan dipanggil," katanya menerusi aplikasi WhatsApp di sini hari ini.

Fadillah berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai Laporan Ketua Audit Negara bahawa kerajaan kontraktor menanggung kerugian RM21.03 juta.

40pc of flood victim houses not ready

STILL LIVING IN TENTS: AG's report says only 838 out of 1,395 houses were built

KUALA LUMPUR

THE Auditor General's 2015 Report Series 1 has revealed that as much as 40 per cent of houses meant for victims of the

given houses. Among the reasons for this was the lack of government officers to verify the status of the flood victims.

The Rural and Regional Development Ministry and the Works Ministry, in response to the audit, said the determination of who was qualified for the houses was APBN's responsibility, but APBN in response said it did not receive the applications.

Other shortcomings included contractors not fulfilling obligations, such as constructing the

Kegagalan kontraktor, kerajaan tanggung kerugian RM21.03j

KUALA LUMPUR 18 Mei - Kegagalan kontraktor menyalipkan projek pembinaan jalan baharu dan menaik taraf dalam tempoh yang ditetapkan telah menyebabkan kerajaan menanggung kerugian

Bagaimanapun projek itu gagal disiapkan dan telah ditamatkan pada Disember 2009 setelah tiga pelanjutan masa (EOT) diberikan kepada kontraktor berkenaan. Kementerian seterusnya me-

PENGENALAN




4




**Pernyataan masyarakat
terhadap isu-isu yang
dipaparkan dalam
Laporan Audit Negara**

RAJAH : FLOW CHART TINDAKAN TATATERTIB UNIT LKAN 2015

CADANGAN
PENAMBAHBAIKAN




CARTA ALIR PROSES LKAN DI KKR



CARTA ALIR PROSES LKAN DI KKR



7



LKAN DI BAWAH JKR / KKR TAHUN 2014



8

BIL.	NAMA PROJEK	BIL. TEGURAN		SYOR JKS	KEPUTUSAN LT
		PUNITIVE	CORRECTIVE		
SIRI 1					
1.	Pembinaan Kolej Matrikulasi, Kelantan	-	11	Tiada syor	-
2.	Pembinaan <i>Specialist Complex & Ambulatory Care Centre (SCACC)</i> di HKL	-	17	Tiada syor	-
SIRI 2					
1.	Pembinaan Kompleks Mahkamah Syariah	-	12	Syor terhadap perunding	-
2.	Pembinaan Institut Kanser Negara	-	11	Tiada syor	-
SIRI 3					
1.	Pengurusan Penyenggaraan Pejabat Kerajaan di Putrajaya	-	16	Tiada syor	-
2.	Pembinaan <i>Ambulatory Care Centre (ACC)</i> & Hemodialisis di Hospital Kota Bharu, Kelantan	-	14	Tiada syor	-
3.	Pengurusan Kerja Awalan Melalui Kontrak Kerja Oleh JKR	1	9	10 pegawai & 10 perunding	7 pegawai tidak bersalah, 2 pegawai dikenakan amaran & 1 pegawai denda & turun 1 pergerakan gaji.
4.	Menaiktaraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor	6	5	9 pegawai	1 pegawai denda,

LKAN TAHUN 2015 SIRI 1 - PROJEK JKR



9

Kes Punitif

1. Projek Membina Jalan Baru Dari Lebuhraya Seremban-PD-FR5 Di Pasir Panjang Dan Menaik Taraf FR5 Dari Pasir Panjang Ke Linggi, Negeri Sembilan

2. Projek Pembinaan Hospital Tampin Baharu, Negeri Sembilan

3. Projek Pembinaan Penjara Reman (Tegar), Johor Bahru

Kes Corrective

4. Projek Pembinaan Kampus UniKL Malaysian Institute Of Aviation Technology (MIAT) Subang, Selangor

5. Projek Pembinaan Semula Kwarters Jabatan Kebajikan Masyarakat

6. Pengurusan Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Mangsa Banjir

7. Pengurusan Pembinaan Bangunan Ibu Pejabat Lembaga Pelabuhan Johor



LKAN DI BAWAH JKR / KKR TAHUN 2015



10

BIL.	NAMA PROJEK	BIL. TEGURAN		SYOR JKS	KEPUTUSAN LT
		PUNITIVE	CORRECTIVE		
SIRI 1					
1.	Pembinaan Hospital Tampin, Johor	2	7	Tiada syor	-
2.	Pembinaan Penjara Reman (Tegar) Johor Bahru, Johor	1	3	Tiada syor	-
3.	Pembinaan Semula Kuarters Kakitangan, Jabatan Kebajikan Masyarakat	-	6	Tiada syor	-
4.	Pembinaan Kampus UNIKL Malaysian Institute Of Aviation Technology (MIAT) Subang, Selangor	-	9	Tiada syor	-
5.	Membina Jalan Baru Dari Lebuhraya Seremban - PD-FR5 Di Pasir Panjang Dan Menaik Taraf FR5 Dari Pasir Panjang Ke Linggi, Negeri Sembilan (Seksyen 1)	1	5	Tiada syor	-
6.	Pengurusan Projek Pembinaan Dan Pembaikan Rumah Mangsa-mangsa Banjir	-	6	Tiada syor	-
7.	Pembinaan Ibu Pejabat Lembaga Pelabuhan Johor	-	11	Tiada syor	-

RUMUSAN TEGURAN BERULANG LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DALAM PROJEK JKR (2010 -2015)



RUMUSAN PENEMUAN ISU LKAN & UAD 2010 -2015



12

BIL	BP	ISU	Bilangan Isu			
			2010 - 2013	2014	2015	Jumlah
1	M	Kelewatan menyiapkan projek	26	4	1	31
2	K	Pembinaan tidak mengikut spesifikasi / tidak berkualiti / tidak sesuai	23	18	2	43
3	M	Kelewatan menandatangani kontrak	13	1		14
4	M	Kelewatan bayaran interim kepada kontraktor	12			12
5	SM	Pemantauan yang lemah	10		1	11
6	SM	CPC dikeluarkan sebelum kerja siap sepenuhnya	10	2	1	13
7	K	Peningkatan kos projek	9			9
8	M	Kelewatan meluluskan perakuan muktamad (termasuk isu CMGD)	8		1	9
9	P	Isu pengurusan sebut harga	7			7
10	M	Kecacatan lewat dibaiki	5			5
11	SM	Masalah rekabentuk	5			5
12	SM	Kelulusan JK perolehan melalui kontrak selepas penyediaan Dokumen tender / Tidak mematuhi Perolehan Melalui Kontrak	5	56		61
13	P	Bekalan peralatan tidak sempurna / tidak berfungsi / tiada di lokasi	4			4
14	SM	Prestasi kerja penyenggaraan yang lemah	4			4
15	P	Arahan perubahan kerja diluluskan di luar tempoh kontrak	4			4

Petunjuk : BP – Bidang Pengetahuan; M- Masa; K – Kos; SM – Sumber Manusia; P - Perolehan

Sumber CPAB

RUMUSAN PENEMUAN ISU LKAN & UAD 2010 - 2015

(samb...) (mengikut tahun berlaku)

13

BIL	BP	ISU	Bilangan Isu			
			2010 - 2013	2014	2015	Jumlah
16	SM	Lukisan Siap Bina (<i>as-built</i>) tidak / lewat dikemukakan / berbeza dengan binaan sebenar	4	6		10
17	SM	Masalah bon pelaksanaan / WJP dan wang pendahuluan	4	22		26
18	SM	EOT diluluskan selepas tarikh siap asal / semasa / CPC / CNC	4	1		5
19	SM	Kerja dilaksanakan sebelum APK diluluskan	4	1		5
20	SM	Prestasi projek lemah	3		1 (Hosp)	4
21	P	Surat setuju terima lewat dikeluarkan	2			2
22	M	Kelewatan memulakan kerja	2			2
23	P	Proses perlantikan kontraktor tidak cekap	2		1 (Hosp Tampin)	3
24	P	Masalah polisi insuran	2	14		16
25	SM	Ketidakseragaman Pembayaran Interim Kerja Awalan		38		38
26	SM	Pelanjutan Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)	1	2		3
27	P	Pelantikan semula kontraktor yang telah ditamatkan			1	1
		JUMLAH	173	165	9	347

Petunjuk : BP – Bidang Pengetahuan; M- Masa; K – Kos; SM – Sumber Manusia; P - Perolehan

Antara kelemahan-kelemahan berulang yang ditemui di dalam LKAN 2010-2015 bagi pelaksanaan/pentadbiran projek oleh JKR adalah:

<u>Bil</u>	<u>Isu Berulang</u>
1.	Spesifikasi dan Kualiti
2.	Dokumen Kontrak
3.	Bon Pelaksanaan
4.	Polisi Insurans
5.	Lanjutan Masa (EOT)
6.	Arahan Perubahan Kerja
7.	Wang Pendahuluan
8.	Rundingan Harga
9.	Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)
10.	Lukisan Siap Bina (As Built Drawing)
11.	Perolehan Kemudahan Khidmat pengangkutan dan Peralatan (JKPMK)
12.	Kos Item <u>Kerja Awalan Yang Ditetapkan Dalam Kontrak</u>
13.	Kaedah Pembayaran Interim Kerja Awalan
14.	Pelanjutan Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)

1. Spesifikasi dan Kualiti Kerja

Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi dan Kualiti Kerja yang Lemah

Terdapat pelbagai isu/masalah kualiti kerja yang telah berulang-ulang dilaporkan di dalam LKAN 2010-2015. Di antara isu/masalah kualiti kerja yang berulang adalah:

1. Resapan air
2. Siling gantung
3. Serangan kulat
4. Air bertakung di atas lantai
5. Kerja konkrit yang bermutu rendah
6. Keretakan pada dinding
7. Keretakan apron dan longkang
8. Keretakan pada tiang

2. Dokumen Kontrak

- Didapati JKR tidak mengeluarkan surat peringatan secara berperingkat kepada kontraktor dan perunding bagi mempercepatkan proses menandatangani Dokumen Kontrak. Selain itu JKR juga tidak memantau perkembangan penyediaan **Dokumen Kontrak yang harus ditandatangani selewat-lewatnya 4 bulan dari tarikh SST** dikeluarkan bagi menjaga kepentingan kerajaan.

3. Bon Pelaksanaan

- Selain melindungi hak kontraktor, Bon Pelaksanaan atau Wang Jaminan Pelaksanaan amat penting bagi menjamin kepentingan kerajaan. Adalah didapati JKR tidak memastikan **lanjutan Bon Pelaksanaan dibuat selepas EOT diluluskan dan tidak luput sebelum CMGD dikeluarkan**. JKR juga dilihat tidak menyemak ketepatan **amaun dan tempoh liputan** yang dibuat oleh kontraktor sehingga menyebabkan kerugian pada pihak kerajaan.
- Kos premium Bon pelaksanaan telah ditetapkan di dalam kontrak. Didapati jumlah perbezaan bayaran yang sebenar di buat oleh kontraktor dengan amaun yang diperuntukan dalam kontrak bagi Bon Pelaksanaan adalah tinggi.

4. Polisi Insurans

- Kecuaian pegawai dalam meneliti klausa polisi insurans dan memastikan ketepatan tempoh liputan serta memastikan polisi dilanjutkan selepas kelulusan EOT menyebabkan kerugian kepada kerajaan.

5. Lanjutan Masa (EOT)

- **Kelewatan JKR mengeluarkan EOT dan kegagalan mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap (CNC) menyebabkan 'time at large' dan kerajaan hilang hak ke atas kontraktor untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Didapati JKR telah meluluskan EOT selepas tarikh siap asal/semasa dan selepas CPC dikeluarkan.**

6. Arahan Perubahan Kerja (APK)

- **Pegawai yang tidak diberikuasa** tidak boleh sama sekali menandatangani dokumen/perakuan yang dikeluarkan bagi mengelakkan sebarang implikasi perundangan.
- Selain itu, JKR dilihat tidak memantau dan tidak mengeluarkan surat peringatan kepada kontraktor dalam proses pengumpulan dokumen sokongan APK sekaligus menyebabkan **kelewatan bagi kelulusan APK**.

7. Wang Pendahuluan

- Tempoh sah laku jaminan yang silap boleh mengakibatkan **kegagalan mengutip semula** Jaminan Wang Pendahuluan. Ini akan menyebabkan kerugian kepada kerajaan dan kehilangan wang awam. JKR tidak menyemak tempoh sah laku jaminan untuk wang pendahuluan agar sentiasa meliputi **tempoh kontrak atau tempoh lanjutan yang diluluskan**. Tindakan perlu diambil untuk merampas jaminan wang pendahuluan jika kontraktor telah gagal menjalankan obligasinya seperti mana di dalam kontrak.

8. Rundingan Harga

- Kelewatan memuktamadkan rundingan harga dari tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan kelewatan pelaksanaan projek.

9. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)

- COC D&B lama (versi sebelum Rev1/2010) menyatakan **Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan apabila Pengarah Projek (PD) berpuas hati** bahawa kerja telah disiapkan sepenuhnya.
- Bangunan tidak dapat berfungsi dan digunakan sepenuhnya walaupun CPC telah dikeluarkan kerana masih terdapat peralatan yang belum dibekalkan dan kerja belum siap sepenuhnya.
- Kerajaan tidak boleh mengenakan LAD kerana CPC telah dikeluarkan sebelum kesemua bahagian bangunan boleh digunakan secara praktikal.
- **CPC tidak boleh dikeluarkan sebelum CCC** selaras dengan Akta sediada.

10. Lukisan Siap Bina (*As Built Drawing*)

- Adalah didapati **kegagalan menyerahkan lukisan siap bina dalam tempoh yang ditetapkan menyebabkan kerja-kerja penyenggaraan bangunan/peralatan/fasiliti sukar untuk dipantau.**
- Lukisan siap bina tidak sama dengan fizikal kerja kontraktor di tapak .

11. Perolehan Kemudahan Khidmat Pengangkutan dan Peralatan (JKPMK)

- Surat Arahan KPKR Bil. 3 Tahun 2010 juga menyatakan **kelulusan JKPMK hendaklah diperoleh terlebih dahulu** sebelum peruntukan bagi perolehan khidmat pengangkutan dan kemudahan peralatan dimasukkan ke dalam dokumen tender
- Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 13 Tahun 1999 dan 1PP,PK 4/2013 menyatakan kemudahan khidmat pengangkutan dan peralatan untuk pengurusan projek adalah dibenarkan sekiranya mematuhi kriteria yang ditetapkan dan mendapat kelulusan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan atau Jawatankuasa yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan

11. Perolehan Kemudahan Khidmat Pengangkutan dan Peralatan (JKPMK) (sambungan ...)

- Adalah didapati perancangan terhadap perolehan kemudahan khidmat pengangkutan dan peralatan adalah tidak teratur kerana kelulusan JKPMK tidak diperolehi terlebih dahulu sebelum dokumen kontrak disediakan sehingga menyebabkan terdapat kes di mana **kenderaan dan peralatan yang dibayar kepada kontraktor walaupun tiada kelulusan JKPMK.**

11. Perolehan Kemudahan Khidmat Pengangkutan dan Peralatan (JKPMK) (sambungan ...)

- Didapati **rekod penyerahan semula kenderaan dan peralatan** perlu diselenggara dengan teratur.
- Surat Arahan KPKR Bi. 3 Tahun 2010 menyatakan “sekiranya kenderaan dan peralatan tidak dipulangkan dan kontraktor dengan sukarela berhasrat untuk menyerahkan hakmilik mereka, penyerahan hak milik tersebut perlu direkodkan dengan mengisi Borang Pengesahan Penyerahan Hakmilik Peralatan dan Pelepasan Membuat Tuntutan Terhadap Kerajaan”.

12. Kos Item Kerja Awalan Yang Ditetapkan Dalam Kontrak

- Bagi item kerja awalan konsep bayaran lump sum adalah diguna pakai. Amalan JKR dalam menetapkan norma harga bagi menentukan had **siling kos awalan** adalah berdasarkan **peratusan kos kerja utama bangunan/jalan, kos kerja pakar dalam bangunan dan kos kerja luar**. Peratusan tersebut diperoleh daripada analisis terhadap projek-projek jabatan terdahulu yang telah ditender dan cabutan tender (**ATDA**) projek serupa.
- Selaras dengan syarat-syarat kontrak, **kontraktor dianggap telah menghargakan ke semua item di dalam kerja awalan walaupun tiada harga yang diletakkan bagi setiap item di bawah kerja awalan**. Kos setiap item adalah berbeza bergantung kepada kedudukan kewangan kontraktor dengan pihak bank/insurans, lokaliti projek, jenis projek, nilai projek dan kaedah pelaksanaan projek.


13. Kaedah Pembayaran Interim Kerja Awalan

- Method of Measurement on Pricing Factors (MOMPF) bagi kerja awalan hanya diguna pakai bagi projek jalan sahaja. Justeru itu, hanya projek jalan terikat dengan kaedah bayaran seperti MOMPF.
- Didapati bagi **projek jalan kebanyakan bayaran dibuat selaras dengan MOMPF**. Amalan jabatan pembayaran bagi kerja awalan adalah berdasarkan **tempoh kontrak (time based) atau skop kerja**. Bayaran berdasarkan resit premium adalah untuk initial cost dan baki bayaran adalah diletakkan di bawah recurring cost (time based) dan end cost.
- Bagi projek yang telah siap dan tempoh kontrak asal telah tamat dan bayaran telah dibuat sepenuhnya, bayaran kepada kontraktor yang lebih daripada sepatutnya di peringkat awal projek tidak memberi sebarang kerugian kepada Kerajaan.

14. Tempoh Tanggungan Kecacatan (*DLP*)

- Tempoh tanggungan kecacatan adalah satu tempoh di mana kontraktor perlu memperbaiki apa-apa kecacatan yang dikenal pasti oleh pegawai penyelia selepas sesuatu kerja diperakukan siap (CPC). Semua perbelanjaan memperbaiki kecatatan hendaklah ditanggung oleh kontraktor dan tiada sebarang kos tambahan dikenakan kepada Kerajaan.
- Dalam tempoh tersebut, kontraktor kerja hendaklah memperbaiki apa-apa kecacatan ke atas kerja yang telah disiapkan. Sekiranya kontraktor gagal berbuat demikian, perbelanjaan yang dikenakan untuk memperbaiki apa-apa kecacatan hendaklah dituntut daripada bon pelaksanaan atau kontraktor. Ini adalah bagi menjamin kepentingan kerajaan.

STRATEGI PEMULIHAN TERHADAP TEGURAN BERULANG LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



STRATEGI PEMULIHAN TERHADAP TEGURAN ISU BERULANG LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DALAM PROJEK JKR



LESSONS LEARNT



1

**LEADERSHIP
DIRECTION**

2

**STRATEGY
READINESS**

3

**INCREASE
AWARENESS
LEVEL**



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA BAGI PELAKSANAAN PROJEK JKR

34

TERIMA KASIH

MESYUARAT TAHUNAN JURUTERA-JURUTERA MEKANIKAL JKR TAHUN 2016 (SEPTEMBER 2016)

DISEDIAKAN OLEH :

**BAHAGIAN AUDIT & INTEGRITI
CAWANGAN DASAR & PENGURUSAN
KORPORAT
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA**

Jabatan Kerja Raya Malaysia



Public Works Department MALAYSIA

www.jkr.gov.my

